

## **Labur dalam Dana Harga Berubah ASNB untuk menikmati pulangan Deposit Tetap-i 8.88% setahun.**

### **Terma & Syarat**

#### **TEMPOH PROMOSI**

**“Labur dalam Dana Harga Berubah ASNB untuk menikmati pulangan Deposit Tetap-i 8.88% setahun”** (“Promosi”) Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W) (“HLISB”) bermula pada 1 Ogos 2018 dan berakhir pada 30 September 2018, termasuk kedua-dua tarikh atau apabila mencapai sasaran promosi, mengikut mana yang dahulu (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

#### **KELAYAKAN**

1. Promosi terbuka untuk penyertaan seluruh warga Malaysia yang layak melabur dalam Dana Harga Berubah ASNB (Pelanggan).
2. Promosi terbuka kepada pelaburan Dana Harga Berubah ASNB yang diurus niaga di cawangan-cawangan Hong Leong Islamic Bank (HLISB) atau Hong Leong Bank (HLB).

#### **KAEDAH PROMOSI**

3. Untuk menyertai Promosi ini, Pelanggan dikehendaki semasa Tempoh Promosi untuk melaksanakan dan memenuhi keperluan-keperluan berikut seperti tertera di bawah untuk melayakkan diri menikmati kadar keuntungan promosi Deposit Tetap (FD-i) 2 bulan pada 8.88% setahun (“Kadar FD-i Promosi”):
  - i. Melabur amaun pelaburan minimum RM30,000 dalam mana-mana dana Harga Berubah ASNB terpilih yang disertakan bersama-sama ini (“Pelaburan Terpilih”); dan

Bil.	Nama Dana	Penyedia Dana
1.	ASN	Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)
2.	ASN Equity 2	
3.	ASN Equity 3	
4.	ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 1	
5.	ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 2	
6.	ASN SARA (MIXED ASSET CONSERVATIVE) 1	

- ii. Meletak FD-i ke dalam akaun FD-i yang baharu dibuka atau sedia ada untuk tempoh 2 bulan dengan amaun minimum RM500.00 FD-i dan dihadkan pada amaun peletakan FD-i maksimum 2 kali (2X) amaun pelaburan dalam Pelaburan Terpilih.

Jadual 1: Amaun pelaburan minimum bagi Dana Harga Berubah ASNB

Amaun ASNB Minimum	Amaun FD-i Minimum	Caj jualan berkenaan	Nisbah ASNB : FD-i	Amaun FD-i Maksimum	Kadar dan Tempoh FD-i Promosi
RM30,000	RM1500.00	5.00%	1 ASNB : 2 FD-i	Sehingga 2 kali amaun ASNB dan tidak lebih daripada RM 2,000,000	FD-i 2 bulan pada 8.88% setahun

4. Bagi mengelakkan keraguan, untuk membolehkan Pelanggan menikmati Kadar FD-i Promosi seperti di atas:
  - i. Peletakan amaun pelaburan bagi Pelaburan Terpilih dan FD-i hendaklah dilakukan serentak pada hari yang sama semasa Tempoh Promosi; dan
  - ii. Amaun FD-i maksimum yang diletakkan serentak dengan Pelaburan Terpilih dinyatakan sebagai nisbah kepada amaun dan tidak lebih daripada RM2,000,000.
  - iii. Kadar FD-i Promosi hanya diberi kepada Dana Baharu sahaja.
5. Dana Baharu ditakrif sebagai:
  - (a) Wang tunai, GIRO antara bank, dana baharu yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain yang didepositkan ke dalam Akaun Deposit Tetap (FD) / FD-i yang sedia ada atau baharu ; dan
  - (b) Hasil daripada penembusan ekuiti, dana unit amanah, bon / sukuk dan / atau Hong Leong Invest Safe semasa Tempoh Promosi yang didepositkan semula ke dalam mana-mana CASA/i Hong Leong Bank (HLB) / HLISB.
6. Yang berikut tidak dianggap sebagai “Dana Baharu”:
  - (a) FD-i yang matang atau pengeluaran pramatang FD-i daripada mana-mana akaun FD-I HLB/HLISB yang sedia ada
  - (b) Pindahan dana intra bank, iaitu pindahan dana daripada akaun HLB / HLISB yang lain sama ada Akaun Simpanan/i dan/atau Akaun Semasa/i (CASA dan/atau CASA-i). FD, FD-i atau Akaun Pelaburan Am (“GIA”); dan
  - (c) Pindahan antara cawangan di dalam HLB and HLISB termasuk pindahan akaun pihak ketiga (ke-3)
7. Pelanggan Baharu dikehendaki membuka akaun FD-i baru dengan HLISB semasa Tempoh Promosi (jika Pelanggan belum mempunyai akaun FD-I yang sedia ada) supaya boleh menyertai Promosi ini.
8. Pelanggan yang telah melakukan dan memenuhi keperluan-keperluan seperti dinyatakan dalam Fasal 3, 4 dan 5 di atas akan disebut “Pelanggan Layak” bagi tujuan Promosi.
9. Pelanggan Layak dikehendaki menamakan Akaun CASA-i yang diselenggarakan dengan HLISB yang hendaklah atas nama semua Pelanggan Layak (“CASA-i Namaan”) bagi tujuan mengkreditkan keuntungan yang diperolehi di bawah Promosi ini. Keuntungan FD-i yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam CASA-i Namaan Pelanggan Layak pada tarikh matang Tempoh. Tokokan keuntungan kepada Jumlah Pokok FD-i tidak dibenarkan.
10. Sekiranya FD-i dikeluarkan sebelum tempoh matang keuntungan tidak dibayar bagi mana-mana FD-i yang dikeluarkan sebelum tempoh matang mengikut peraturan pramatang.
11. Pada tarikh matang, FD-i akan diperbaharui semula secara automatik pada kadar semasa FD-i.
12. Pengeluaran sebahagian FD-i tidak dibenarkan.
13. Peletakan FD-i dan Amaun Pelaburan mestilah dibuat pada hari yang sama dan tidak boleh dikumpulkan dari hari-hari yang berbeza.
14. HLISB berhak meminda dana-dana yang tersenarai di Fasa 3(i) dari semasa ke semasa dalam Tempoh Promosi.
15. Pelanggan Layak adalah dipertanggungjawabkan dan hendaklah menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan ke atas mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Promosi.

16. FD-i tidak boleh digunakan sebagai sandaran bagi tujuan mencagarkan mana-mana kemudahan kredit yang didapati atau akan didapati oleh Pelanggan Layak.
17. Sekiranya Pelanggan Layak menggunakan hak bertenang Unit Amanah atau mana-mana transaksi Pelaburan ditolak atau dibatalkan oleh mana-mana pihak atas apa jua sebab sekalipun, maka Pelanggan Layak TIDAKLAH berhak menikmati Kadar FD-i Promosi seperti ditetapkan dalam jadual yang ditunjukkan dalam fasal 3 di atas. Maka dengan itu, dana-dana yang diletakkan dan didepositkan ke dalam akaun FD-i akan ditarik keluar dan keuntungan tidak akan dibayar mengikut peraturan pramatang.

#### TRANSAKSI PRODUK PELABURAN

18. Pelaburan bersama dianggap kepunyaan orang yang namanya mula-mula tertera dalam borang transaksi pelaburan ("Pemegang Akaun Utama Pelaburan"). Hanya Pemegang Akaun Utama Pelaburan sahaja layak menikmati Kadar FD-i Promosi seperti di atas.
19. Pelaburan dalam Dana Harga Berubah ASNB dengan menggunakan dana yang dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") tidak dibenarkan.
20. Semua terma dan syarat, kaedah dan peraturan sedia ada yang mengawal transaksi Pelaburan Terpilih akan diguna pakai.
21. Terma dan syarat yang mengawal transaksi Unit Amanah dan produk-produk Pelaburan Terpilih diperincikan dalam Prospektus berkenaan yang terkini serta Prospektus Tambahannya (jika ada) yang telah sempurna didaftarkan dan diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang akan tertakluk kepada dan dikawal selia menurut Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (seperti dipinda) dan garis panduan dan arahan berkenaan yang dikeluarkan oleh pihak-pihak berkuasa berkenaan.

#### **22. Penafian Unit Amanah:-**

- (a) Dokumen ini bukan dimaksudkan sebagai jemputan atau tawaran untuk melanggan unit amanah, juga bukan rayuan oleh HLB untuk melanggan unit amanah oleh sesiapa.
- (b) Pelabur dinasihatkan supaya membaca dan memahami isi kandungan prospektus yang telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia sebelum melabur.
- (c) Senaskhah prospektus boleh didapati daripada mana-mana cawangan atau pejabat Pengurus Dana kami.
- (d) Sebarang terbitan unit yang berkaitan dengan prospektus ini hanya akan dilakukan selepas menerima borang permohonan berkenaan yang disebutkan itu dan disertakan dengan senaskhah prospektus.
- (e) Pelabur perlu maklum bahawa fi dan caj akan dikenakan dalam pembelian unit amanah.
- (f) Pelabur dinasihatkan supaya mengambil kira fi dan caj yang terlibat sebelum melabur dan berunding dengan penasihat kewangan berlesen atau penasihat profesional yang lain, jika ragu-ragu akan apa-apa ciri atau jenis dana ini.
- (g) Sila maklum bahawa harga unit dan agihan yang dibayar, jika ada, boleh naik atau turun.
- (h) Prestasi dana pada masa lalu bukanlah menjadi petunjuk prestasi masa akan datang.
- (i) Pulangan atas pelaburan unit amanah tidaklah dijamin dan unit amanah bukanlah deposit atau obligasi HLISB atau HLB, juga tidak dijamin atau diinsuranskan oleh HLISB atau HLB dan terdedah kepada risiko pelaburan, termasuk kemungkinan hilang amaan pokok yang dilaburkan.
- (j) Skim unit amanah dan unit-unit dalam skim-skim tersebut tidak diinsuranskan oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM"), dan apa-apa wang yang dikeluarkan daripada deposit berinsurans untuk tujuan membeli unit dalam skim unit amanah tidak dilindungi oleh PIDM

UMUM

23. Dengan menyertai Promosi, Pelanggan bersetuju:

- (i) mematuhi Terma & Syarat di dalam ini;
- (ii) bahawa keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Promosi adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pelanggan dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLISB tidak akan dilayani;
- (iii) untuk mengakses Laman Web HLISB at [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) ("Laman Web HLISB") dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat Promosi dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat.
- (iv) Dipertanggungjawabkan dan akan menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Promosi

24. HLISB berhak:

- (i) membatalkan Promosi apabila berlaku pembalikan Pelanggan Layak atau penamatkan Tempoh Promosi pada segenap masa atau ketidakpatuhan kepada Terma & Syarat di dalam ini;
- (ii) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian melainkan bagi Kadar FD-i Promosi, atas budi bicara HLISB dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLISB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLISB pada bila-bila masa dengan memberi notis awal;
- (iii) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan atas apa jua sebab sekalipun yang dianggap wajar oleh HLISB atas budi bicara mutlaknya daripada menyertai Promosi tanpa menyatakan sebarang sebabnya.

25. Terma & Syarat di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan.

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, maka Terma & Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.

26. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini dengan mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain, berkaitan atau bersabit dengan Promosi, maka Terma & Syarat muktamad dalam Laman Web HLISB akan diutamakan.

27. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.

**Deposit Tetap-i adalah layak dilindungi oleh PIDM  
Pelaburan TIDAK layak dilindungi oleh PIDM.**